



25 JUN, 2022

## PM umum tiga keputusan penting

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 3

# PM umum tiga keputusan penting

Tarif elektrik dan air kekal, harga ayam tidak diapungkan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN**  
**PUTRAJAYA**

**K**adar tarif elektrik dan air di Semenanjung tidak akan dinaikkan. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan turut memutuskan harga ayam di pasaran juga tidak akan diapungkan.

Menurutnya, keputusan itu membuktikan keprihatinan kerajaan demi menjaga kepentingan Keluarga Malaysia agar tidak terbeban dengan peningkatan harga dan cabaran kos sara hidup.

"Dengan keputusan ini keraja-

an terus komited menampung subsidi sebanyak RM5.8 bilion, meskipun berlaku peningkatan mendadak kos bahan api dan penjanaan lain," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, harga siling baharu akan diumumkan dalam masa terdekat oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Sebelum ini kerajaan mengumumkan skim harga maksimum ayam berakhir pada 30 Jun ini dan harga komoditi itu akan diapungkan serta ditentukan oleh pasaran.

Spekulasi tarif elektrik akan dinaikkan pula bertuip kencang apabila Tenaga Nasional Bhd (TNB) dilapor menghadapi kos pengeluaran tenaga yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga gas dan arang batu.

Pada akhir tahun lalu, harga arang batu melonjak kepada AS\$200 (RM846) satu tan, meningkat daripada AS\$50 satu tan pada pertengahan tahun 2020.



Harga siling baharu ayam akan diumumkan dalam masa terdekat oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Menjelang akhir Mei 2022, harga arang batu telah meningkat kepada AS\$434 satu tan dengan arang batu menyumbang 59 pe-

ratus daripada sumber utama penjanaan elektrik Malaysia.

Sebelum ini juga terdapat ura-ura tarif air akan dinaikkan ekoran

“

*Dengan keputusan ini kerajaan terus komited menampung subsidi sebanyak RM5.8 bilion, meskipun berlaku peningkatan mendadak kos bahan api dan penjanaan lain."*

kekangan yang terpaksa ditanggung oleh operator di setiap negeri dalam memenuhi keperluan sebagai penyedia perkhidmatan pembekalan air.

Menurut laporan media, kos operasi perkhidmatan pembekalan air telah meningkat ketara, sedangkan ada tarif air bagi sesetengah operator tidak pernah disemak sejak 25 tahun lalu.